

23 FEB 1999

Mahkamah-Fitnah

KIT SIANG SAMAN UTUSAN RM250 JUTA KERANA FITNAH

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Setiausaha agung DAP Lim Kit Siang hari ini memfailkan saman ke atas Utusan Melayu (M) Berhad, menuntut RM250 juta ganti rugi kerana dakwaan fitnah yang disiarkan oleh akhbar harian itu.

Writ saman itu difailkan oleh firma guaman Messrs Karpal Singh & Co di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark.

Lim mendakwa bahawa bahan yang disiarkan pada 13 Feb 1999 di akhbar Utusan Malaysia bertajuk "Kit Siang tidak patriotik - PBPM", mengandungi unsur-unsur fitnah.

Lim juga memohon satu perintah mahkamah bagi menghalang Utusan Melayu daripada menerbitkan bahan yang sama atau bahan lain yang serupa dan berunsur fitnah ke atasnya.

Beliau juga memohon bayaran faedah ke atas jumlah yang diputuskan, kos dan apa-apa bayaran lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Yang hadir di pejabat pendaftar itu ialah Lim dan para penyokongnya serta peguam-peguamnya, Karpal Singh, Jagdeep Singh Deo dan Gobind Singh Deo.

Bercakap kepada pemberita di luar pejabat pendaftar itu hari ini, Lim berkata para peguamnya dan beliau telah mengambil kira dua kes saman fitnah baru-baru ini ketika memutuskan untuk menyaman Utusan Melayu sejumlah RM250 juta itu.

Contoh saman pertama oleh Mirzan Mahathir, anak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyaman syarikat percetakan majalah Asian Wall Street Journal - Star Papyrus, anak syarikat Star Publications, sejumlah RM150 juta dan saman kedua oleh Pengerusi Kumpulan Berjaya yang juga ketua eksekutifnya Tan Sri Vincent Tan yang menyaman Star Papyrus sejumlah RM200 juta, katanya.

-- BERNAMA

KLS LAT RON